



**USLUB TARGHIB (MOTIVASI) DALAM MUAMALAH HASANAH: ANALISIS
SURAH AD-DHUHA DARIPADA PERSPEKTIF PSIKOLOGI DAN RETORIK**

**(MOTIVATION IN GOOD DEALINGS: AN ANALYSIS OF SURAH AD-DHUHA
FROM THE PSYCHOLOGICAL AND RHETORICAL PERSPECTIVES)**

^{*1}Wan Azura W.A., ²Ahmad Fazullah M.Z.A. & ³Rosni Samah, ⁴Hishomudin Ahmad,
⁵Yuslina Mohamed & ⁶Mikail Ibrahim

^{1,3,4,5,6}Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri
Sembilan, Malaysia

² Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pekan
Pahang, Malaysia

*Corresponding author: wanazura@usim.edu.my

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan menganalisis aplikasi Balaghah al-Badi dalam dua aspek berikut. Pertama, aspek motivasi atau galakan melakukan muamalah yang baik dalam surah ad-Dhuha. Kedua, rahsia pemilihan perkataan tertentu dan pentafsirannya dari segi makna dan semantik yang tersirat di sebalik keindahan bahasa dan uslub dalam surah ad-Dhuha. Ilmu balaghah al-Quran merupakan salah satu bidang bahasa dan sastera Arab yang mengkaji aspek kesenian dan keindahan al-Quran daripada perspektif retorik. Hakikatnya, bahasa Arab sebagai bahasa pengantara al-Quran membuktikan keistimewaan bahasa ini. Justeru, surah ad-Dhuha memaparkan retorik bahasa dari sudut balaghah al-Badi seperti al-Tibaq, al-Muqabalah, al-Jinas dan al-Saj'. Kupasan retorik al-Quran akan menyentuh tema motivasi dalam melakukan muamalah yang baik dalam kehidupan. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kualitatif terhadap ayat-ayat yang menjelaskan uslub motivasi yang digunakan dan kupasan elemen retorik dalam surah tersebut. Rujukan utama kajian ialah al-Quran sebagai sumber primer, manakala kitab-kitab tafsir al-Quran dari sudut bahasa (al-Tafsir al-Lughawi) dan buku-buku berkaitan I'jaz al-Quran dan Balaghah Arab sebagai sumber sekunder. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan al-Badi dalam surah ini bukanlah sekadar penyeri uslub al-Quran semata-mata, malah tanpa elemen al-Badi, ia akan membawa kepada kecacatan makna. Susunan ayat dalam surah ini cukup indah dan merupakan salah satu cara berkesan dalam proses pendidikan jiwa manusia. Kajian ini merupakan salah satu bidang penyelidikan yang semakin berkembang dalam bidang aplikasi retorik bahasa Arab dan diharap ia dapat memberi sumbangan signifikan dalam pentafsiran dan analisis pelbagai tema dalam al-Quran.

Kata kunci: Balaghah, Ilmu al-Badic, Muamalah hasanah, Motivasi, Pembangunan peribadi

ABSTRACT

This paper aims to analyze the application of Balaghah al-Badi (embellishments) in the following aspects. First, the aspect of motivation or encouragement in conducting good dealings in surah

ad-Dhuha. Second, the secret of selecting certain words and their interpretations in terms of the meaning and stylistic semantics in the same surah. The knowledge of balaghah al-Quran illuminates the art and beautifulness of the Quran from rhetorical perspective. Surah ad-Dhuha describes the rhetoric from the embellishment perspective such as al-Tibaaq (anti-thesis), al-Muqabalah (multi-thesis), al-Jinas and al-Saj' (rhymed prose). This qualitative study used Quran as the primary source of reference, while the secondary sources are the tafseer of Quran from the language aspects (al-Tafsir al-Lughawi) and books which are related to I'jaz al-Quran and Arabic balaghah. The findings indicate that the application of al-Badi in surah ad-Dhuha is not merely a hieroglyphic of the Quran, but without the element of al-Badi, it will lead to the distortion of meanings. The arrangement of the verses in this surah employs decorative elegance and it is one of the most effective ways in the educational process of human psyche. This study is one of the upward research areas in the applied Arabic rhetoric and hopefully it will provide a significant contribution to the interpretation and analysis of various themes in the Quran.

Keywords: Arabic rhetoric, Embellishments, Good dealings, Motivation, Personal development

1.0 PENGENALAN

Tingkah laku untuk melakukan sesuatu tindakan memerlukan satu bentuk dorongan atau disebut sebagai motivasi. Motivasi merupakan satu proses di mana sesuatu aktiviti itu dimulakan/digerakkan, diarahkan dan diteruskan sehingga memenuhi aspek keperluan fizikal dan psikologi individu. Tingkah laku motivasi ini dipengaruhi oleh faktor intrinsik dan ekstrinsik. Faktor motivasi intrinsik merujuk kepada tindakan individu melakukan sesuatu perkara berasaskan aspek dalaman seperti aspek biologi, naluri, minat, cara berfikir, tahap keberagamaan (*religiosity*) dan kerohanian, sikap dalam diri seseorang individu dan sebagainya. Manakala faktor motivasi ekstrinsik merujuk tindakan individu dipengaruhi oleh aspek luaran seperti suasana persekitaran, keadaan individu lain, pembelajaran, prasarana dan sebagainya.

Dalam konteks kajian bahasa al-Quran pula, salah satu bidang yang mengkaji keunikan, kesenian dan keindahan ayat al-Quran daripada perspektif retorik bahasa ialah ilmu Balaghah al-Quran. Ilmu Balaghah al-Quran merupakan ilmu terapan bahasa (*applied*) dalam memahami konteks dan makna ayat-ayat dan tema-tema tertentu dalam al-Quran dari sudut ilmu retorik. Justeru, kajian ini akan memfokuskan kupasan retorik al-Quran dalam tema psikologi motivasi dalam melakukan muamalah yang baik dalam kehidupan manusia. Dengan demikian, makalah ini bertujuan menganalisis aplikasi ilmu Balaghah al-Badi dalam dua aspek berikut. Pertama, aspek motivasi atau galakan melakukan muamalah yang baik dalam surah ad-Dhuha. Kedua, rahsia pemilihan perkataan tertentu dan pentafsirannya dari segi makna dan semantik yang tersirat di sebalik keindahan bahasa dan uslub yang terdapat dalam surah ad-Dhuha.

2.0 KAJIAN LITERATUR

2.1 Motivasi dari Sudut Psikologi

Motivasi berasal daripada perkataan Latin “movere” iaitu “to move” yang merujuk kepada tahap motivasi/dorongan yang menggerakkan untuk menyertai dalam suatu aktiviti dan ianya memberi kesan kepada hasrat/keinginan untuk meneruskan aktiviti tersebut (Enhanced Motivation, 2017). Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) pula mendefinisikan motivasi sebagai

keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan.

Seterusnya, motivasi didefinisikan sebagai keadaan dalaman yang menggerakkan dan mengarahkan kepada pemikiran, perasaan dan tingkahlaku seseorang. Ia merupakan keadaan atau usaha yang menggerakkan dan mengawal tingkah laku ke arah pencapaian sesuatu matlamat (Redzuan & Abdullah, 2004). Dengan kata lain, motivasi merupakan dorongan dalaman atau suatu usaha gerakan tindakan atau tingkahlaku seseorang yang berasaskan kepada sesuatu matlamat yang disasarkan.

Dalam bidang psikologi, motivasi merupakan salah satu tingkah laku manusia (Coon & Mitterer, 2013). Tingkah laku manusia didorong, digerakkan atau digalakkan oleh faktor-faktor dalaman dan luaran. Dorongan tingkah laku manusia yang cemerlang banyak dipengaruhi oleh faktor dalaman seperti aspek kerohanian (spiritual), fisiologi, dan keagamaan serta faktor luaran iaitu persekitaran, komunikasi yang berkesan, psikologi (insentif, ganjaran, hukuman, pencapaian dan sebagainya) (Utz, 2011). Psikologi Islam pula memaparkan bahawa motivasi hidup adalah berkaitan dengan ibadah yang merangkumi aktiviti yang melibatkan hubungan manusia dengan Allah SWT (*hablum min Allah*) dan hubungan sesama manusia (*hablum minnas*) (Mujib & Mudzakir, 2001; Mubarak, 2000; Ibrahim, 2009; Taufiq, 2006; Najati, 2008; 2001; Sukanto & Hasyim, 1995; Utz, 2011).

2.2 Retorik al-Quran

Al-Quran al-Karim merupakan mukjizat Allah SWT kepada nabi Muhammad SAW dan merupakan kitab samawi yang terakhir yang diturunkan dalam bahasa Arab. Hakikat ini dijelaskan oleh al-Quran dalam beberapa surah iaitu surah Taha (ayat 113), Surah al-Shuacra' (ayat 192-195), surah al-Racd (ayat 37), surah al-Nahl (ayat 103), surah Fussilat (ayat 2-3) dan surah Yusuf (ayat 1-2). Sebagai contoh, Allah SWT berfirman dalam surah Yusuf,

﴿الرَّ تِلْكَ ءَايَاتِ الْكِتَابِ الْمُبِينِ ﴿١﴾ إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٢﴾﴾

Terjemahannya:

Sesungguhnya kami telah turunkan al-Quran berbahasa Arab, mudah-mudahan kamu semua berfikir.

(al-Quran, 12:1-2)

Hakikatnya, pemilihan bahasa Arab sebagai bahasa pengantara al-Quran membuktikan keistimewaan dan keunikan bahasa ini, malah jaminan Allah SWT untuk memelihara dan menjaga al-Quran ini daripada sebarang bentuk penyelewengan atau perubahan sama ada dari sudut bahasa perantaraan mahupun isi kandungannya. Firman Allah SWT dalam surah al-Hijr:

﴿إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾﴾

Terjemahannya:

Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.

(al-Quran, 15:9)

- a) Menurut Muhammad (2005), bahasa Arab memiliki keunikan dan keistimewanya melebihi bahasa-bahasa lain di dunia dan hal ini telah menjadikannya terpilih sebagai bahasa al-Quran. Antara kelebihan tersebut ialah;
- b) Kaya dengan kosa kata: Dalam bahasa ini, satu kosa kata boleh membawa makna pelbagai dan berlainan misalnya (الجُؤن) yang membawa dua maksud, adakalanya bermaksud hitam dan kadangkala bermaksud putih (Shahin, 1980).
- c) Kaedah analisis struktur ayat yang unik dari segi I'rab (perubahan baris akhir perkataan mengikut kedudukan dalam konteks sesuatu ayat) yang tidak terdapat dalam mana-mana bahasa lain.
- d) Sistem morfologi atau ilmu saraf yang unik melalui sistem pecahan perkataan atau ishtiqaq.
- e) Berdaya tahan dan ringkas (ijaz), iaitu bersifat fleksible terhadap perubahan semasa seperti penerimaan terhadap perkataan baru dalam arus globalisasi dan teknologi terkini contohnya perkataan (الحاسوب).

Jelaslah di sini, status bahasa Arab telah dinobatkan sebagai bahasa yang mulia selaras dengan penurunan dan bahasa penyampai wahyu Ilahi. Bahasa Arab yang unik ini dipelajari dan didalami oleh para pentafsir yang terdiri daripada para sahabat, tabi'in dan seluruh umat Islam untuk memahami isi kandungan al-Quran. Namun, yang pasti, bukan sembarangan individu yang boleh digelar pentafsir al-Quran. Ini kerana pentafsir mestilah memiliki pengetahuan yang mendalam mengenai ilmu bahasa Arab dan cabangnya. Hal ini merujuk kepada bahasa al-Quran bukan bahasa Arab biasa, malah ia mempunyai gaya bahasa yang tinggi dan nilai retorik (balaghah) yang tidak mungkin dapat difahami oleh golongan biasa kecuali setelah mendalaminya (Abd Rahman, Bakar, & Wan Ahmad, 2008). Selain itu, al-Quran begitu cermat dalam memilih perkataan yang digunakan agar dapat memenuhi kehendak maknanya dengan setepat mungkin. Pemilihan perkataan ini seolah-olah hanya perkataan tersebut sahaja khusus untuk membayangkan makna yang dikehendaki dan bukan untuk makna yang lain. Perkataan ini juga tidak mungkin ditukar dengan perkataan lain kerana ditakuti membawa kepada perubahan yang boleh menyimpang daripada kehendak maknanya yang asal (Mohmood, 2015). Pada prinsipnya, ilmu balaghah dikembangkan sebagai medium untuk memahami dan mengkaji al-Quran dan hadis mengikut keperluan disiplin-disiplin tertentu umpamanya keperluan mengeluarkan hukum dan keperluan menjelaskan tauhid dan keperluan memahami maksud bagi ulamak tafsir (Fikri Nordin, 2016).

Al-Quran adalah sumber penghujahan utama bahasa Arab kerana mengandungi pelbagai ilmu dan rujukan dalam sumber bahasa Arab. Al-Quran merupakan sumber utama al-Samac. Sumber tawatur yang sahih ini mendapat jaminan Allah SWT dalam surah al-Hijr (15:9) yang bermaksud "Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya". Dalam ilmu nahu Arab, Sibawayh atau nama penuhnya Abu Bashar cUmar bin cUthman Qanbar (180 H), ahli tatabahasa Arab yang masyhur dan penulis buku tatabahasa al-Kitab telah menggunakan banyak ayat al-quran sebagai syawahid nahu. Beliau berasal dari Parsi juga menggunakan al-Qira'at al-Qur'aniyyah dalam sebahagian besar hujah bahasanya. Ahmad Ratib al-Naffakh yang pernah membuat kajian dalam bab ini melalui bukunya Fahrash Kitab Sibawayh menyatakan bahawa terdapat sebanyak 396 hujah dan al-Qira'at al-Qur'aniyyah merupakan lebih kurang 40% atau 157 daripadanya. Sebagaimana al-Suyuti, Sibawayh juga tidak pernah menyalahkan bacaan dalam setiap Qira'at yang

dikemukannya, bahkan menyatakannya sebagai sebahagian daripada dialek bahasa Arab (Ahmad Nihlah, 1987).

Dalam ilmu retorik (balaghah) pula, pelbagai buku telah ditulis oleh para sarjana mengenai keindahan retorik al-Quran. Antaranya buku al-Badi oleh Ibn al-Mu'taz (296H), yang memuat serta membincangkan pelbagai cabang ilmu balaghah daripada al-Quran sama ada ilmu al-Ma'ani, ilmu al-Bayan dan ilmu al-Badi, seperti al-Tashbih, al-Isti'arah, al-Jinas, al-Tibaq dan lain-lain walaupun pada ketika itu susunan cabang-cabang ilmu tersebut belum disusun mengikut kategori sebagaimana yang terdapat pada hari ini. Buku ini telah disunting oleh penyunting barat bernama Aghnatius Karatsfukski dan Irfan Matraji pada 2001 dan dijadikan rujukan utama dalam ilmu Balaghah. Buku agung ini memuatkan Syawahid atau hujjah daripada potongan ayat-ayat suci al-Quran dalam membicarakan topik berkaitan dengan keindahan bahasa dalam ilmu Balaghah. Jelaslah di sini bahawa al-Quran merupakan sumber utama dalam kajian mahupun perkembangan ilmu Balaghah.

Perbincangan mengenai balaghah dalam al-Quran giat ditulis oleh para sarjana dahulu dan masa kini. Antara buku yang membicarakan ilmu Balaghah dalam al-Quran ialah Majaz al-Quran oleh Abu Ubaydah Ma'mar bin al-Muthanna, I'jaz al-Quran oleh al-Baqqilani (403H), Tahrir al-Tahbir dan I'jaz al-Quran oleh Ibn Abi Al-Isba al-Misri (585-654 H), buku Miftah al-Ulum oleh al-Sakkaki (626H), al-Idhah oleh Al-Qazwini (666-739H), al-Taswir al-Fanniy dan Mashahid Yaum al-Qiyamah karangan Qutub, al-I'jaz al-Balaghi fi al-Quran al-Karim karangan Muhammad Husaiyn Salamah, Dirasah Balaghiyyah fi al-Saj' wa al-Fasilah Al-Quraniyyah oleh Abdul Jawad Muhammad Tabaq dan sebagainya. Walaupun banyak buku membicarakan Balaghah dalam al-Quran termasuk ilmu al-Badi, namun begitu buku yang membicarakan secara khusus ilmu al-Badi dalam Juzuk Amma dan Tabarak belum ditulis oleh mana-mana penulis secara khusus (Wan Ahmad, 2016).

Ilmu al-Badi adalah ilmu ketiga dalam cabang ilmu balaghah yang membicarakan keindahan retorik dalam dua kategori iaitu al-Muhassinat al-Lafziyyah yang mengkaji keindahan retorik dari sudut lafaz dan kedua al-Muhassinat al-Maknawiyyah (dari yang memfokuskan kajian dalam keindahan retorik dari sudut makna. Ilmu al-Badi ini didapati secara meluas dalam Juzuk Amma dan hal ini jelas dapat dilihat terutamanya dalam ritma akhir (al-Saj') ayat-ayat Juzuk Amma (Wan Ahmad, 2016).

3.0 REKABENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kualitatif terhadap ayat-ayat yang menjelaskan uslub motivasi (dari sudut ilmu Balaghah) yang digunakan dan kupasan elemen retorik dalam surah tersebut. Data dirujuk daripada al-Quran sebagai sumber primer iaitu surah ad-Dhuha yang berkaitan dengan tema dan pokok perbahasan. Manakala sumber sekunder adalah rujukan kitab-kitab tafsir al-Quran dari sudut bahasa (al-Tafsir al-Lughawi) seperti Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir oleh Ibn Ashur dan al-Kashshaf oleh Al-Zamakhshari dan buku-buku berkaitan I'jaz al-Quran dan Balaghah Arab.

Surah ad-Dhuha merupakan surah yang ke-93 dalam al-Quran dan merupakan surah Makkiah. Surah ini mengandungi 11 ayat. Nama ad-Dhuha diambil dari kata yang terdapat pada ayat pertama yang bermaksud waktu Dhuha iaitu "waktu matahari sepenggalahan naik" dan waktu sejak pagi setelah matahari terbit sampai naik menjelang tengahari (Mohd Zabidi, 2017). Menurut Ab Rahman (2017), objektif surah ini adalah untuk memotivasikan Rasulullah SAW menerusi sejarah kehidupan yang baginda sendiri lalui yang membuktikan bahawa Allah

SWT tidak pernah meninggalkan atau membiarkan baginda SAW sendirian dalam berdakwah dan menyampaikan kebenaran. Dengan demikian, fokus kajian terhadap surah ini adalah untuk mengupas dan menganalisis aspek psikologi dan motivasi dalam muamalah hasanah dari sudut retorik al-Quran seperti al-Tibaaq, al-Muqabalah, al-Jinas dan al-Saj'.

4.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

4.1 Galakan Melakukan Muamalah Hasanah dari Sudut Psikologi Motivasi

Galakan melakukan pergaulan yang baik (muamalah hasanah) dan kebaikan sesama manusia dirakamkan dalam surah ad-Dhuha yang mengandungi beberapa saranan atau galakan Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW dan seluruh umat manusia. Galakan melakukan kebaikan turut digambarkan dalam surah al-Baqarah, ayat 148:

﴿وَلِكُلِّ وِجْهَةٌ هُوَ مُوَلِّيٰهَا فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ أَيْنَ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمْ اللَّهُ جَمِيعًا إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ﴾^(١٤٨)

Terjemahannya:

Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menujunya; oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan; kerana di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan membawa kamu semua (berhimpun pada hari kiamat untuk menerima balasan); sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

(al-Quran, 2:148)

Peranan utama Rasulullah dan para anbiya' adalah untuk membentuk akhlak mulia dalam kalangan umat manusia. Peranan ini dinyatakan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah dengan sabda Rasulullah SAW (rujuk www.majles.alukah.net):

(إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ)

Terjemahannya:

Sesungguhnya aku (Muhammad) diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.

(Riwayat Ahmad, Malik dan al-Bukhari, t.t)

Zaman jahiliyyah dikenali sebagai zaman yang penuh cabaran. Tradisi jahiliyyah seperti menyembah berhala, membunuh anak perempuan, minum arak, berjudi dan sebagainya. Tugas besar yang dihadapi oleh Rasulullah SAW ketika itu adalah untuk mengubah, membaikpulih serta menguruskan imej-imej ganas (barbaric image) kepada imej akhlak mulia (motivasi atau dorongan berpewatakan mulia) yang berasaskan tauhid dan ukhuwwah Islamiyyah sesama manusia. Pendekatan yang digunakan oleh Rasulullah SAW adalah mempunyai hubungkait dengan peribadi baginda SAW yang menyeluruh dan sepadu sama ada dari segi kehidupan peribadi mahupun kehidupan sebagai khalifah. (Mohd Zainal Abidin et al., 2011). Oleh yang demikian, salah satu tujuan al-Quran diturunkan adalah untuk memberikan motivasi dan mendidik akhlak manusia agar menjadi lebih baik. Dalam ayat ke-8 dan ke-9 khususnya terdapat dua cara yang diajarkan oleh Allah SWT dalam pergaulan dan muamalah sesama insan khususnya terhadap golongan bawahan, lemah dan golongan susah. Dua golongan yang

disebutkan tersebut ialah golongan anak yatim dan golongan yang kedua ialah golongan yang meminta.

4.2 Ilmu al-Badi dalam Surah Ad-Dhuha

Balaghah Arab terbahagi kepada tiga bahagian iaitu ilmu al-Bayan, ilmu al-Ma'ani dan ilmu al-Badi. Kajian ini memfokuskan ilmu al-Badi. Tinjauan dilakukan terhadap keindahan balaghah dan gaya bahasa yang tersirat dalam surah ad-Dhuha.

Menurut Ibn Manzur (1986), al-Badi dari sudut bahasa bermaksud mengadakan sesuatu dan mereka (mencipta) sesuatu, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah:

﴿بَدِيعُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَإِذَا قَضَىٰ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ كُن فَيَكُونُ﴾

Terjemahannya:

Allah pencipta langit dan bumi, dan bila Dia berkehendak (untuk menciptakan sesuatu) dan (cukuplah) Dia mengatakan kepadanya "Jadilah", lalu jadilah ia.

(al-Quran, 2:117)

Ayat ﴿بَدِيعُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ﴾ bermaksud Allah SWT menciptakan langit dan bumi tanpa ada sebelumnya contoh yang lain atau yang seumpamanya. Menurut In'am Fawwal Akkawi (1996: 206), *al-Badi* bermaksud membina sesuatu.

Menurut sejarah, orang yang pertama mengungkapkan perkataan *al-Badi* sebagaimana yang dinyatakan oleh Al-Asfahani (1994), ialah penyair Muslim bin al-Walid. Al-Jahiz (1975:51) juga ada menyebut istilah ini dalam bukunya *al-Bayan wa al-Tabyin* dan beliau dianggap sebagai orang pertama yang mencatatkan istilah ini dalam ilmu balaghah, namun demikian beliau tidak mengemukakan sebarang definisi, sebaliknya hanya mendatangkan pelbagai contoh bagi menerangkan istilah tersebut.

Pakar balaghah pertama yang menyatakan definisi al-Badi secara terperinci ialah Ibn al-Mu'taz (296H) dalam bukunya "*Kitab al-Badi*". Menurut Tabanah (1972), buku ini merupakan buku pertama membicarakan ilmu *al-Badi* secara terperinci dalam ilmu balaghah. Menurut Ibn al-Mu'taz juga, ilmu al-Badi bukanlah ilmu baharu, malah ia telah didapati di dalam al-Quran, hadis nabi, juga kalam sahabat serta *al-Mutaqaddimin* (Ibn al-Mu'taz, 1935). Menurut Al-Qazwini pula, (t.t: 348) *al-Badi* didefinisikan sebagai:

"علم يعرف به وجوه تحسين الكلام بعد رعاية تطبيقه على مقتضى الحال ووضوح الدلالة"

Melalui definisi ini, dapatlah disimpulkan bahawa ilmu al-Badi terbahagi kepada dua iaitu keindahan dari segi lafaz, dan kedua dari sudut maknanya. Definisi ini digunakan sehingga ke hari ini.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn al-Mu'taz, ilmu al-Badi telah menghiasi keindahan gaya bahasa al-Quran sejak sekian lama. Menurut Allan (2002), terdapat beberapa fungsi ilmu ini dalam al-Quran. Antaranya fungsi memberikan keterangan dan tafsiran dalam surah al-Eimran:

﴿ رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴿٨﴾ ﴾

Terjemahannya:

(Mereka berdoa): “Ya Tuhan kami, janganlah Engkau jadikan hati kami condong kepada kesesatan sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami rahmat dari sisi Engkau; kerana sesungguhnya Engkau-lah Maha Pemberi (kurnia).”

(al-Quran, 3:8)

Selain itu, Ibn Al-Isba (t.t) juga turut membincangkan ilmu al-Badi di dalam al-Quran melalui bukunya Badi al-Quran. Buku ini membuktikan bahawa al-Quran benar-benar mukjizat Allah SWT kerana kandungan ilmu al-Badi di dalamnya telah mengindahkan bahasanya dan keindahan sebegini tidak dapat ditandingi oleh pakar bahasa Arab kerana al-Quran adalah mukjizat Allah.

Bahasa dan gaya bahasa al-Quran semuanya indah, manakala surah ad-Dhuha merupakan surah Makkiyyah dan surah ke-93 dari Juzuk Amma, mempunyai keindahannya yang tersendiri dari sudut keindahan retorik al-Badi. Hal ini ditegaskan oleh Al-Juwayni (1993, hal.19) yang menyatakan bahawa nusus al-Quran secara semulajadinya telah menggambarkan keindahan penggunaan uslub al-Badi dan secara semulajadinya juga telah melahirkan bentuk keserasian suara, muzik dan rima tertentu. Hal ini jelas dapat dilihat melalui kelebihan gaya bahasa surah ad-Dhuha. Keindahan alunan surah ini dari sudut keserasian suara atau muzik (akustik) (الإيقاع الموسيقي), rima (rhyme) serta maknanya yang tersusun indah dengan nilai retorik (balaghah) yang tinggi menurut beliau telah mampu menghilangkan dukacita Rasulullah SAW yang berada dalam keadaan sedih ketika itu (kerana terputus wahyu sekian lama).

Kajian mendapati bahawa nilai retorik yang tinggi dalam surah ini dari sudut al-Badi telah mampu mencipta ritma (rhyme) dan gaya bahasa yang indah. Ketika surah ini dibacakan oleh Jibril AS, Rasulullah SAW teruja, kesedihan baginda SAW hilang dan seterusnya timbul satu motivasi baru dalam diri baginda. Allah telah menyatakan bahawa rasul kesayangannya tidak pernah dilupakan. Lantaran itu, Allah mengingatkan baginda atas nikmat-nikmat tersebut agar baginda bersyukur dengan cara berbuat baik sesama manusia iaitu tidak menzalimi dan menindas anak yatim, mengherdik orang yang meminta bantuan dan sentiasa memuji Allah SWT atas nikmat yang dikurniakan.

4.3 Analisis Uslub Targhib (Motivasi) dari Sudut Ilmu Balaghah al-Quran

Pembahasan dan perbincangan tentang motivasi dengan mudah diperolehi dengan merujuk kepada buku-buku bacaan dan menghadirkan diri ke seminar-seminar motivasi dan pembangunan diri. Namun demikian, bagaimana manusia dapat memotivasikan diri dengan Al-Quran? Justeru, dalam bahagian ini, kajian akan membicarakan keindahan uslub (gaya bahasa) al-Badi beberapa ayat terpilih daripada surah ini disamping mengungkap makna yang tersirat di sebalik penggunaannya terutamanya motivasi dan dorongan untuk melakukan muamalah yang baik terhadap anak yatim dan golongan yang meminta bantuan. Firman Allah SWT dalam surah ad-Dhuha, ayat ke 8 dan ke 9.

﴿ وَوَجَدَكَ عَائِلًا فَأَغْنِي ﴿٨﴾ فَأَمَّا الْيَتِيمَ فَلَا تَقْهَرْ ﴿٩﴾ ﴾

Terjemahannya:

Adapun terhadap anak yatim, maka janganlah kamu berlaku kejam. (Oleh yang demikian) Dan terhadap orang yang meminta-minta, maka janganlah kamu mengherdik mereka.

(al-Quran, 93:8-9)

Menurut Al-Zuhaili (2007, hal.279), ayat ke 8 ini bermaksud,

Sebagaimana kamu sebelumnya yatim dan Allah SWT memberi perlindungan kepadaMu, maka janganlah kamu menghina anak-anak yatim, menghalang hak mereka dan berlaku zalim terhadap mereka. Sebaliknya pula hendaklah kamu menunaikan hak mereka, berbuat baik dan berlembut dengan mereka serta ingatlah saat kamu yatim dahulu. Justeru itu, Rasulullah SAW sangat mengasihi anak-anak yatim, berbuat baik kepada mereka dan sentiasa berpesan supaya mereka dijaga sebaik-baiknya.

Manakala ayat ke 9 pula bermaksud,

sebagaimana kamu dahulunya sesat, kemudian diberi hidayah oleh Allah SWT, maka janganlah kamu menghalau orang-orang yang datang untuk meminta petunjuk ilmu atau meminta harta bahkan kamu perlu memberikan layanan kepada mereka sebaik-baiknya.

4.3.1 Pertama: Keindahan al-Badi dalam Ayat ke 8 dan Ayat ke 9:

a) Antara perkataan (الآخرة) dan (الأولى)- Balaghah al-Tibaaq

Balaghah al-Tibaaq (الطباق) bermaksud dua perkataan yang berlawanan makna, seperti perkataan (الآخرة) yang bermaksud hari kiamat dan (الأولى) bermaksud dunia. Keindahan terserlah apabila perbandingan dibuat antara dua benda yang berbeza iaitu kehidupan di dunia dan satu lagi kehidupan iaitu di akhirat. Pengkaji berpendapat, pembaca al-Quran akan menjadi lebih peka dan perhatiannya dapat ditarik, seandainya perbandingan, contoh dan huraian diberikan dalam sesuatu ayat.

b) Antara perkataan (تَقَهَّرَ) dan (تَنَهَّرَ)- balaghah al-jinas (الجناس)

Dalam kedua-dua ayat ini, jenis al-Badi yang digunakan ialah al-jinas (الجناس) iaitu (جناس) pada dua perkataan: (تَقَهَّرَ) dan (تَنَهَّرَ). Dua perkataan ini hampir sama, tetapi tidak serupa dan mempunyai maksud yang berbeza. Perbezaan antara dua perkataan ini adalah pada huruf (ن) pada (تَنَهَّرَ) dan huruf (ق) pada perkataan (تَقَهَّرَ).

Menurut pengkaji, pemilihan huruf (ق) sangat bertepatan kerana ia yang menggambarkan kekerasan dan ia amat sesuai kerana perkataan ini bermaksud menindas anak-anak yatim dengan mengambil harta dan hak mereka sedangkan mereka masih kecil. Manakala menurut Al-Zamakhshari (2006: juz 4,757), Ibn Mascud membacanya dengan (تكهر) yang bermaksud mengerut dan memasamkan muka. Pengkaji berpendapat bahawa perbuatan ini sangat hina, apatah lagi ia dilakukan terhadap anak-anak yatim yang tidak mempunyai ibu dan bapa.

c) **Gabungan dua perkataan yang hampir serupa (تَقَهَّرَ) dan (تَنَهَّرَ) mampu mencetuskan keserasian suara dan rima yang indah.**

Keindahan bahasa di sini tercetus dengan penggunaan dua perkataan yang hampir sama, tetapi sedikit berbeza kerana perbezaan hanya pada satu huruf iaitu pada huruf (ن) pada (تَنَهَّرَ) dan huruf (ق) pada perkataan (تَقَهَّرَ). Dengan kedudukan kedua-dua perkataan ini yang berdekatan dalam satu ayat menerusi *al-jinas ghair tam* (جناس غير التام) telah membentuk satu irama dan keserasian suara. Buktinya ialah seandainya digantikan salah satu perkataan dengan perkataan pilihan manusia misalnya, kita gantikan perkataan bahasa Arab yang lain yang seerti atau hampir makna dengannya, maka keindahan irama dan rima tersebut akan lenyap seterusnya melenyapkan seni dan kecantikan bahasa surah ad-Dhuha ini.

Jadual 1: Contoh Penggantian Perkataan

Perkataan Seerti dalam bahasa Arab	
غلبه، أخذهم قهراً: أي بغير رضاهم - (تَقَهَّرَ) berlaku kejam tanpa redha (Kamus al-Ma'ani Arabic-Arabic online)	تذل / تستعمر / تستعبد (merendahkan/memperhambakan)
نهر السائل، أي زجره، طرده، صاح به- (تَنَهَّرَ) Bermaksud: membentak dan mengherdik (Kamus al-Ma'ani Arabic-Arabic online)	ترفع الصوت / تصيح (meninggikan suara/menjerit) وانتهر السائل: زجره وزجره وأزدجره: طرده صائحا به

Keserasian rima dan irama atau keserasian suara merupakan salah satu *I'jaz* al-Quran yang dinamakan *I'jaz al-Nizam al-Sauti* (إعجاز النظام الصوتي). Seandainya kita menggantikan perkataan yang telah termaktub dalam surah ini dengan perkataan Arab yang seerti dengannya, rima akan hilang seterusnya keindahan tidak lagi kelihatan. Hal ini jelas seperti berikut:

Jadual 2: Contoh Perbezaan antara Ayat yang Berima atau Mempunyai Keserasian Suara (الإيقاع) atau Tidak

Ayat	Huraian
﴿فَأَمَّا الْيَتِيمَ فَلَا تَقْهَرْ ﴿١﴾ وَأَمَّا السَّائِلَ فَلَا تَنْهَرْ ﴿٢﴾﴾	Perkataan bergaris bawah mempunyai unsur irama/ rima atau keserasian suara
﴿فَأَمَّا الْيَتِيمَ فَلَا تستعمر﴾	Perkataan gantian pilihan manusia (<i>bergaris bawah</i>) tidak mempunyai unsur irama/ rima/ keserasian suara
﴿وَأَمَّا السَّائِلَ فَلَا ترفع الصوت﴾	

*Perkataan bergaris bawah ialah perkataan gantian pilihan manusia.

d) **Keseimbangan (التوازي) bagi Ayat ke 8 dan Ayat ke 9**

Menurut Abd Wahid (1999), hubungan antara al-Tawazi dan ilmu *al-Badi* merupakan hubungan yang tidak dapat dipisahkan. *Al-Tawazi* bermaksud persamaan atau keseimbangan binaan atau makna dalam suatu baris ayat yang mempunyai perkataan yang sama bilangannya atau perkataan yang berpasangan dan saling berkait di antara satu sama lain secara seni.

Menurut Mahmud Ahmad (1981:368), terdapat keseimbangan (التوازني) hasil gabungan kedua-dua ayat ke 8 dan ke 9 surah ini iaitu (فأما اليتيم فلا تقهر) dan (وأما السائل فلا تنهر)

Keseimbangan (التوازني) dari sudut balaghah juga bermaksud persamaan akhiran faqrah pada wazan dan qafiyah. Pengulangan yang berlaku terhadap huruf taqfiyyah atau huruf terakhir bagi kedua-dua ayat iaitu (ر) pada kedua-dua ayat yang berbeza telah menerbitkan irama yang indah yang dapat menyegarkan telinga dan menjadikan kita suka untuk mendengarnya. Dengan terbitnya bentuk rima yang indah hasil gabungan *al-Jinas Ghair Tam* dan *al-Saj'* di atas, menjadikan telinga ingin terus mendengar dan seterusnya keinginan untuk mengetahui makna di sebalik ayat tersebut semakin melonjak dalam jiwa pendengar dan pembaca al-Quran sebagaimana yang dijelaskan oleh Abd Wahid (1999) dalam bukunya *al-Badi wa al-Tawazi*. Inilah yang dikatakan mukjizat al-Quran.

e) Keindahan *al-Saj'*

Menurut Ibn Al-Athir (1998:j1, 231-232) dan Al-Muraghi (1999:131-132), (فأما اليتيم فلا تقهر) dan (وأما السائل فلا تنهر), dalam ilmu *al-Badi'* dikategorikan sebagai balaghah *al-Saj'*. Beliau juga menyatakan bahawa *al-Saj'* ini merupakan yang terbaik dalam kategorinya kerana mempunyai *faqrah* yang sama panjang.

Sayyid Qutub (1993:87) menegaskan bahawa al-Quran mempunyai kelebihan dari sudut keserasian muzik (akustik) atau rima (الإيقاع الموسيقي) kerana keunikan pemilihan perkataan yang digunakannya serta susunan yang tertentu. Menurut Sayyid Qutub (1993) lagi, keserasian suara ini berada di mana-mana dalam al-Quran, namun yang ketara ialah dalam surah-surah yang pendek dan *faqrah-faqrah* yang ringkas. Sayyid Qutub (1996: juz 30, 3925) menerangkan bahawa surah ini memiliki segala sifat keindahan sebagai sebuah pakej kerana mampu memberikan suatu gambaran yang indah melalui ayat-ayatnya ditambah pula dengan keserasian suara dan rima. Keindahan gaya bahasa al-Quran inilah antara sebab yang membawa ketenangan dan keyakinan dalam diri Rasulullah SAW.

Jadual 3: Kesempurnaan Pembahagian Faqrah (fawasil)

تقهر	فلا	اليتيم	فأما
تنهر	فلا	السائل	وأما

4.3.2 Kedua: Motivasi Dan Galakan Berbuat Baik Terhadap Anak Yatim Dan Golongan Yang Meminta

a) Motivasi melalui partikel (أما)

Menurut Ibn Ashur (t.t: juz 30: 401), (أما) merupakan huruf syart yang bermaksud “walau apapun berlaku..” dan (ف) merupakan jawab syart. Dalam ayat ini Allah menerangkan bagaimana cara menunjukkan kesyukuran iaitu dengan cara tidak berlaku kejam terhadap anak yatim. Dari segi ikrab pula, perkataan (اليتيم) merupakan *maf'ul bihi muqaddam*. Perkataan ini didahulukan bagi menegaskan bahawa peri pentingnya memelihara kebajikan anak-anak yatim, begitu juga dengan perkataan (السائل) iaitu orang yang meminta.

Kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara ketegasan dari sudut makna bagi dua perkataan (تقهر) dan (تنهر). Dari sudut motivasi dan psikologi, ayat ke 8 yang

menerangkan perihal tidak melakukan kekejaman terhadap anak yatim menjadi keutamaan berbanding ayat ke 9, iaitu tidak mengherdik golongan yang meminta.

Bagi perkataan pertama yang ditujukan kepada anak yatim (jangan berlaku kejam terhadap anak yatim) adalah lebih tegas dari perkataan kedua yang ditujukan kepada orang yang meminta (jangan mengherdik orang yang meminta). Surah ini menerangkan bagaimana cara yang sesuai bermuamalah dengan kedua-dua golongan ini ketika mereka meminta sesuatu daripada kita. Golongan anak yatim selayaknya dilayan dengan baik dan jangan sekali-kali kita berlaku kejam terhadap mereka terutamanya dalam memberikan hak mereka kerana harta yang diminta dari pemegang amanah ialah harta peninggalan ibu bapa mereka apatah lag kita hanyalah sebagai pemegang amanah, berbeza halnya dengan golongan kedua (peminta sedekah) kerana harta yang diberikan atau disedekahkan tersebut merupakan harta mutlak kita, dan kita berhak memberikan kepada sesiapa yang kita kehendaki, namun begitu janganlah kita bertindak kedekut serta sombong dengan mengherdik mereka. Dalam hal ini Allah mengajar agar kita sentiasa bersedia dan ikhlas dalam memberikan sedekah kepada orang yang meminta (golongan kedua) dengan tidak mengherdik mereka dan sentiasa bersikap amanah dalam menjaga kepentingan dan kebajikan anak yatim (golongan pertama).

Menurut Ibn Ashur lagi (t.t: juz 30: 401-402), (فأما اليتيم فلا تقهر) didatangkan sebagai pasangan (*muqabil*) kepada (ألم يجدك يتيما فأوى). Allah mengingatkan nabi Muhammad SAW, bagaimana Allah memberikan perlindungan di saat baginda yatim piatu. Oleh yang demikian Allah mengajar nabi Muhammad dan seluruh umat manusia agar menghormati anak yatim serta berlemah lembut dengan mereka, kerana orang jahiliah pada zaman dahulu bertindak kasar serta mengeluarkan kata-kata yang kesat terhadap mereka.

Menurut Ibn Ashur lagi (t.t: juz 30:402-402), manakala (وأما السائل فلا تنهر) dipasangkan dengan (*muqabil*) (ووجد ضالا فهدى) juga dari sudut *al-laf wa al-nasr* (اللف والنشر). Orang yang sesat diibaratkan sebagai separuh dari orang yang meminta. Meminta di sini bukan hanya dikhususkan kepada meminta pemberian bahkan ia turut merangkumi meminta bantuan lain seperti meminta bantuan menentukan arah. Oleh yang demikian, kita perlulah bermuamalah samada dengan peminta sedekah, atau orang yang memohon ditunjukkan arah jalan dan sebagainya dengan muamalah yang baik serta penuh kesabaran.

b) Uslub al-Tarhib (motivasi) yang tersusun indah melalui ayat ke 8 dan ke 9

Jika dilihat secara halus, susunan ayat dalam surah ini begitu indah kerana setiap saranan dan peringatan Allah kepada nabi Muhammad SAW disusuli dengan mengingatkan baginda terlebih dahulu perihal diri baginda sebelum ini dan nikmat yang telah baginda kecapi sehingga kini.

Melalui balaghah al-Badi, keindahan bahasa yang terdapat dalam surah ini telah dapat dizahirkan dengan baik seterusnya, pengajaran yang ingin disampaikan lebih memberi kesan mendalam terhadap orang yang menghayati dan mentadabbur al-Quran. Lihatlah betapa indahny Allah menyusun ayat-ayat suci dalam surah ini mengikut tertibnya satu persatu tentang nikmat kurniaannya agar nabi bersyukur dengan nikmat yang dilimpahkan Allah SWT sepanjang hidupnya iaitu:

- a) Pada mulanya nabi Muhammad SAW dalam keadaan yatim piatu, kemudian diberikanNya perlindungan melalui peliharaan Abu Talib.

- b) Setelah dewasa, didapati nabi Muhammad SAW terdapat hidayah, baginda diberikan al-Quran oleh Allah SWT.
- c) Demikian, apabila berada dalam kemiskinan, baginda diberikan kekayaan melalui jalan perniagaan sehingga menjadi seorang ahli perniagaan yang berjaya dan dihiaskan dengan akhlak yang mulia serta mendapat gelaran al-Amin.

Jadual 4: Perbandingan Situasi sebagai Salah Satu Sumber Motivasi

Situasi Rasulullah SAW suatu ketika dahulu	Motivasi Muamalah Hasanah dalam surah ad-Dhuha
(ألم يجدك يتيما فآوى) Maksudnya: Bukankah Dia mendapatimu sebagai seorang yatim, lalu Dia melindungimu.	(فأما اليتيم فلا تقهر) Maksudnya: Adapun terhadap anak yatim maka janganlah kamu berlaku sewenang-wenang (kejam).
(ووجد ضالا فهدى) Maksudnya: Dan Dia mendapatimu sebagai seorang yang bingung, lalu Dia memberikan petunjuk.	(وأما السائل فلا تنهر) Maksudnya: Dan terhadap orang yang minta-minta maka janganlah kamu mengherdikannya.

Justeru, galakan bermuamalah secara baik (*muamalah hasanah*) sesama manusia merupakan satu bentuk tingkah laku manusia iaitu motivasi diri yang terkandung dalam al-Quran. Al-Quran mendorong manusia untuk melakukan manfaat kepada manusia lain dan ia merupakan sebahagian ibadah. Manakala ilmu Balaghah al-Quran pula merupakan ilmu yang mengkaji aspek-aspek keindahan bahasa al-Quran di samping aplikasinya dalam tema-tema tertentu yang berkaitan dengan kehidupan manusia. Jelaslah di sini bahawa aplikasi Balaghah dalam tema-tema tertentu dalam al-Quran telah memberikan satu suntikan semangat dan inspirasi hidup kepada manusia melalui metod berinteraksi antara sesama manusia dan penyampaian mesej kemanusiaan menerusi keindahan dan keunikan bahasanya.

5.0 KESIMPULAN

Allah SWT memerintah dan menggalakkan Nabi Muhammad SAW (dan seluruh umat manusia) agar melakukan kebaikan sesama manusia yang lain terutamanya anak yatim dan orang yang memerlukan bantuan seperti yang orang meminta dan bertanyakan sesuatu dengan cara *muamalah hasanah* (pergaulan yang baik). Kesemua suruhan ini Allah SWT dirangkumkan dalam surah ad-Dhuha dengan bahasa yang indah dipenuhi nilai balaghah yang tinggi. Ini membuktikan bahawa ilmu *al-Badi* ini bukanlah sebagai perhiasan kepada gaya bahasa dan uslub al-Quran semata-mata, malah ketiadaannya akan mencacatkan makna dan pemahaman isi kandungan al-Quran. Melalui dua ayat muqabalah ini jelaslah didapati bahawa perkataan yang dipilih oleh al-Quran ialah perkataan yang sangat bersesuaian dengan maksud yang ingain disampaikan. Selain itu, susunan ayat dan makna yang teratur dalam surah ini, secara psikologinya mengingatkan manusia supaya menjadi manusia yang tahu mengenang budi dan menginsafi diri, tahu bersyukur seterusnya menzahirkan syukur itu dengan cara memuji Allah SWT dan berbuat baik sesama manusia dengan larangan mengasari, bertindak kejam tanpa redha, mahupun mengherdik orang yang meminta apatah anak-anak yatim. Jelaslah di sini bahawa al-Quran merupakan kalam Allah yang cukup sempurna dari semua

sudut sama ada hukum-hakamnya, keindahan gaya bahasa dan galakan psikologi dalam memotivasikan diri ke arah kebaikan hidup individu, masyarakat, mahupun persekitaran.

PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan sebahagian daripada Projek Penyelidikan USIM Short Term Grant (USTG) yang dibiayai oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di bawah kod penyelidikan: PPP/USG-0215/FPBU/30/15915. Para penyelidik merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak USIM atas sokongan yang diberikan.

RUJUKAN

al-Quran

- Abd Rahman, L., A. Bakar, A., & Wan Ahmad, W.A. (2008). *Mengenal bahasa Arab melalui Al-Quran*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Abd Wahid, H.S. (1999). *Al-Badi wa al-Tawazi*. T.tp: Maktabah wa Matba'ah al-Ish'ac al-Fanniyyah.
- Ab Rahman, M.S. (2017). *Kompas 114: Bantuan pengembaraan anda menghayati al-Quran (Cet. ke-2)*. Selangor: Ibrah Paradigm Training & Consultancy.
- Ahmad Nihlah, M. (1987). *Usul al-Nahw al-cArabi*. Beirut: Dar al-Ulum al-Arabiyyah.
- Akkawi, I.F. (1996). *Al-Mucjam al-Mufassal fi Culum al-Balaghah al-Badic wa al-Bayan, wa al-Macani*. Beirut: Dar al-Kutub al-cIlmiyyah.
- Al-Asfahani, A.H. (1994). *al-Aghaniy*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabiyy.
- Al-Jahiz, A.U.A. (1975). *Al-Bayan wa al-Tabyin (Cet. ke-4)*. T.tp: Maktabah al-Khanji.
- Al-Juwayni, M.S. (1993). *Al-Badi' Lughah Al-Muziqah Wa Al-Zakhrif*. Iskandariah: Dar al-Makrifah al-Jamiciyyah.
- Al-Muraghi, M.A.H. (1999). *Fi al-Balaghah al-cArabiyyah cIlm al-Badic (Ed. ke-2)*. Beirut: Dar al-Nahdah.
- Al-Qazwini, Z. (t.t). *al-Idah fi Ulum al-Balaghah al-Macani wa al-Bayan wa al-Badi*. Beirut: Dar al-Kutub al- Ilmiyyah.
- Al-Zamakhshari, A.Q.J.M. (2006). *Tafsir al-Kashaf (Ed. ke-4)*. Beirut: Dar al-Kutub al-cIlmiyyah.
- Al-Zuhaili, W. (2007). *Terjemahan Tafsir al-Munir (Juzuk Amma). Persatuan Ulama Malaysia*. Kuala Lumpur: Percetakan Zafar.
- Allan, I.M. (2002). *Al-Badi Fi Al-Quran anwauhu Wa Wazaifuhu*. al-Imarat al-Arabiyyah al-Muttahidah: Dar al-Thaqafah wa al-Islam.
- Coon, D. & Mitterer, J.O. (2013). *Introduction to psychology: Gateways to mind and behavior*. Belmont, USA: Wadsworth, Cengage Learning.
- Enhanced Motivation. (2017). Retrieved from <http://enhancedmotivation.com/movere>
- Fikri Nordin, M.Z. (2016). *Wacana kepimpinan Rasulullah SAW*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ibn Al-Athir, J.D.D. (1998). *Al-Mathal al-Sa'ir*. Beirut: Dar al-Kutub al-^oIlmiyyah.
- Ibn Al-Isba, M. (t.t). *Badic al-Qur'an*. Kaherah: Nahdah Misr.
- Ibn Al-Mu'taz, A. (1935). *Kitab al-Badi*. London: Messrs. Luzac and Co.
- Ibn Ashur, M.T. (t.t). *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir (Juz 30)*. Tunis: Dar Suhun.
- Ibn Manzur, J.D.M. (1968). *Lisan al-Arab*. Cairo: Dar al-Misriyyah.
- Ibrahim, B. (2009). *Psikologi Rasulullah S.A.W dalam berinteraksi dengan masyarakat*. Selangor: Al-Hidayah Publication.
- Kamus al-Ma'ani Arabic-Arabic Online. (2017). Retrieved from <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/>
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zabidi, A.Z. (2017). *Tadabbur Hikmah Juzuk 'Amma: Pelajaran Dari Tafsir Agung Nusantara*. Selangor: Dokumentari Kuliah Studio (DKS).
- Mohd Zainal Abidin, A.F., Wan Ahmad, W.A., Abdul Razak, M., & Hashim, H. (2011). *Transformasi pembangunan insan dan komuniti*. Pahang: Universiti Malaysia Pahang.
- Mohmood, M.Z. (2015). *Keunikan dan keindahan bahasa Arab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mubarok, A. (2000). *Solusi krisis keruhanian manusia moden: Jiwa dalam Al-Quran*. Jakarta: Penerbit Paramadina.
- Muhammad, A. (2005). Beberapa aspek keunikan dan keistimewaan bahasa Arab sebagai bahasa Al-Quran. *Jurnal Teknologi*, 42(E), 61-76.
- Mujib, A. & Mudzakir, J. (2001). *Nuansa-nuansa psikologi Islam*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
- Najati, M.U. (2001). *Al-Quran dan psikologi*. Jakarta: Penerbit Aras Pustaka.
- Najati, M.U. (2008). *Psikologi Rasulullah S.A.W*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Qutub, S. (1993). *al-Taswir al-Fanniy fi al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Qutub, S. (1996). *Tafsir fi Zilal al-Quran (jld. 26-30)*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Riwayat Ahmad, Malik dan al-Bukhari, (t.t). *Kitab al-Adab al-Mufrad*, No. 273. Retrieved from www.shamela.ws/browse.php/book-2615/page-467
- Redzuan, M. & Abdullah, H. (2004). *Psikologi (Ed. ke-2)*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Sdn. Bhd.
- Shahin, T.M. (1980). *al-Mushtarak al-Lughawiy: Nazariyyatan wa Tatbiqan*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Sukanto, M. & Hasyim, A.D. (1995). *Nafsiologi: Refleksi analisis tentang diri dan tingkahlaku manusia*. Surabaya: Penerbit Risalah Gusti.
- Tabanah, B. (1972). *Al-Bayan al-Arabi*. Beirut: Dar al-Nahdah.
- Taufiq, M.I. (2006). *Panduan lengkap & praktis psikologi Islam*. Jakarta: Gema Insani Press.

- Utz, A. (2011). *Psychology from the Islamic Perspective*. Saudi Arabia: International Islamic Publishing House.
- Wan Ahmad, W.A. (2016). *Fan al-Badi^c fi juz' Tabarak Wa Amma: Dirasah Tahliliyyah Balaghiyyah*. (Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan). International Islamic University Malaysia, Kuala Lumpur.